

PM: Swasta perlu lebih giat

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta sektor korporat mengambil langkah-langkah berat memperbaiki dan mempertingkatkan pasaran modal negara.

Beliau juga dikatakan menegur sektor itu supaya lebih mementingkan kerjasama dan bukan terpengaruh dengan khabar angin yang kini menjadi faktor utama hilangnya keyakinan pelabur dalam industri sekuriti tempatan.

Perdana Menteri memberi-

tahu perkara itu kepada 25 tokoh korporat dan perniagaan tempatan dalam satu pertemuan tertutup di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Sumber-sumber memberitahu *Berita Harian*, perbincangan dua jam bermula jam 10 pagi tadi dikelolakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Haji Ahmad Sarji.

Minggu lalu, Menteri Kewangan, Encik Daim Zainuddin juga mengadakan perbincangan yang sama dengan 50 ahli perniagaan

tempatan dan meminta mereka membuktikan keyakinan terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Sumber-sumber itu memberitahu, Perdana Menteri melahirkan rasa tidak puas hati dan juga kebimbangan yang semakin meningkat di kalangan pelabur berikutan Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL), yang tidak cergas.

Kata sumber-sumber itu, tokoh-tokoh korporat yang hadir mengemukakan pelbagai masalah yang mereka hadapi secara berterus terang.

"Perdana Menteri bersetuju mengambil perhatian berat terhadap masalah mereka dan mencari jalan supaya dapat diatasi untuk kepentingan negara dan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat."

Tokoh-tokoh itu juga dikatakan memberitahu Perdana Menteri mengenai masalah kekurangan tabung di pasaran modal tempatan, tetapi berikrar akan memberikan sepenuh sokongan dan kerjasama kepada kerajaan sekiranya kerajaan turut melakukan sesuatu untuk memperbaikinya.